



# Factsheet ORG05

## WWC Check (Pemeriksaan Bekerja dengan Kanak-kanak)

### Sektor pendidikan

Malay | Bahasa Melayu

Berikut ialah senarai **kategori** [kerja berkenaan kanak-kanak](#) yang mungkin berkaitan dengan sektor pendidikan, untuk orang yang ada peranan melibatkan, atau kemungkinan melibatkan, ‘kontak’ dengan kanak-kanak dalam **tugas biasa** mereka.

Jadual ini hanya sebagai panduan dan tidak semestinya lengkap. Jadual ini tidak termasuk semua keadaan atau jenis. Contoh-contoh yang diberikan juga mungkin ada [exemption](#).

Kategori mungkin termasuk:	Peranan mungkin termasuk:
 2. Community kindergarten (Tadika komuniti)	<ul style="list-style-type: none"><li>staf pengajar</li><li>staf bukan pengajar, termasuk pentadbir sekolah, pekerja kebersihan, tukang kebun dan staf hadapan pejabat.</li></ul>
 3. Institusi pendidikan untuk kanak-kanak	<ul style="list-style-type: none"><li>staf pengajar</li><li>staf bukan pengajar, termasuk pentadbir sekolah, pekerja kebersihan, tukang kebun dan staf hadapan pejabat</li><li>pekerja dan <b>sukarelawan</b> kantin</li><li>pekerja dan sukarelawan kedai uniform</li><li><b>pelajar</b> practicum umur lebih 18 tahun yang menamatkan penempatan kerja di sekolah.</li></ul>
 4. Khidmat coaching (bimbingan) atau tuisyen persendirian tidak kira jenisnya	<ul style="list-style-type: none"><li>coach/guru pasukan sekolah atau klinik selepas waktu sekolah</li><li>tutor yang mengajar dalam sesi perseorangan atau kumpulan untuk kanak-kanak</li><li>tutor yang diatur oleh sekolah</li><li>sukarelawan <b>ibu bapa</b> yang memberi bimbingan mentor atau tuisyen perseorangan untuk kanak-kanak selain anak sendiri, misalnya bimbingan membaca untuk seorang.</li></ul>

<b>Kategori mungkin termasuk:</b>	<b>Peranan mungkin termasuk:</b>
	<p>5. Aturan tempat tinggal atau penjagaan kanak-kanak</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• orang yang menyediakan asrama kanak-kanak untuk acara sekolah atau program pertukaran pelajar</li> <li>• staf dan sukarelawan rumah penginapan.</li> </ul>
	<p>9. Community child health service (pusat kesihatan kanak-kanak komuniti)</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• jururawat sekolah</li> <li>• staf van pergigian sekolah.</li> </ul>
	<p>10. Khidmat kaunseling atau khidmat sokongan yang lain</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• ahli patologi percakapan</li> <li>• ahli psikologi sekolah</li> <li>• ahli terapi pekerjaan</li> <li>• ulama agama (kategori 11: organisasi agama juga terlibat).</li> </ul>
	<p>12. Kelab, persatuan, atau pergerakan</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• coach/pengajar pasukan sekolah atau klinik selepas waktu sekolah yang berkaitan dengan kelab, persatuan atau pergerakan.</li> </ul>
	<p>15: khemah semalam</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• orang yang menjalankan aktiviti dalam acara/khemah semalam</li> <li>• orang yang mengawasi kanak-kanak dalam acara/khemah semalam</li> <li>• orang menghidangkan makanan untuk peserta junior dalam acara/khemah semalam.</li> </ul> <p>Termasuk sukarelawan ibu bapa dan tidak kira sama ada orang itu sendiri bermalam atau tidak.</p>
	<p>16. Khidmat pengangkutan khas untuk kanak-kanak</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• pemandu bas sekolah</li> <li>• pemandu bas atau teksi yang memberi khidmat khas untuk kanak-kanak</li> <li>• khidmat bas swasta untuk lawatan, khemah atau karnival.</li> </ul>

<b>Kategori mungkin termasuk:</b>	<b>Peranan mungkin termasuk:</b>
 17. Khidmat menyeberang jalan di sekolah	<ul style="list-style-type: none"> <li>penjaga menyeberang jalan sekolah / pengawal "Lollipop"</li> <li>warden trafik.</li> </ul>
 18. Khidmat hiburan atau majlis untuk kanak-kanak	<ul style="list-style-type: none"> <li>orang yang menyediakan hiburan pendidikan di sekolah, misalnya Constable Care</li> <li>orang yang memberi ceramah motivasi untuk kanak-kanak, misalnya, atlet profesional</li> <li>orang yang memberi penerangan budaya untuk kanak-kanak, misalnya Orang Tua Masyarakat Asli yang menyampaikan Welcome to Country dan bercakap dengan kanak-kanak</li> <li>pertunjukan ladang dan pengendali haiwan</li> <li>tukang cerita yang membaca untuk kanak-kanak</li> <li>jurugambar sekolah</li> <li>DJ untuk diskò sekolah.</li> </ul>

## **Adakah pelajar sekolah menengah lebih 18 tahun memerlukan Working with Children (WWC) Check?**

Tidak, pelajar sekolah menengah yang berumur lebih daripada 18 tahun tidak perlukan WWC Check untuk datang sekolah atau ikut serta dalam aktiviti biasa pelajar di sekolah. Contohnya, ikut serta dalam sistem buddy untuk pelajar kelas bawah, bermain bola sepak dengan pelajar kelas bawah pada waktu makan tengah hari, atau memberi panduan arah untuk pelajar di sekitar sekolah.

WWC Check mungkin dikehendaki untuk pelajar sekolah menengah yang berumur lebih 18 tahun jika:

- mereka melakukan sesuatu di sekolah di luar aktiviti biasa pelajar atau tugas yang menyebabkan mereka melakukan kerja berkenaan kanak-kanak, contohnya, tunjuk ajar kokurikulum

- mereka ada peranan di luar sekolah yang perlu WWC Check, contohnya, menjadi guru renang
- mereka dihantar untuk penempatan kerja Pendidikan dan Latihan Vokasional (VET) untuk melakukan kerja berkenaan kanak-kanak, contohnya, kerja di taman jagaan kanak-kanak.

## **Adakah pekerja bergaji berumur kurang 18 tahun dikehendaki ada WWC Check?**

Ya. Ada exemption dalam undang-undang untuk [sukarelawan kanak-kanak](#), tetapi bukan untuk kerja bergaji.

## **Adakah ibu bapa perlukan WWC Check untuk menjadi sukarelawan di sekolah anak mereka?**

Sukarelawan ibu bapa diberikan exemption daripada WWC Check jika memberi khidmat sukarela di sekolah anak mereka didaftarkan. Khidmat sukarela termasuk khidmat sukarela umum di bilik darjah, dalam lawatan sekolah, di kantin atau di pejabat.

Namun, sukarelawan ibu bapa yang memberi khidmat latihan atau bimbingan kepada seorang pelajar, misalnya memberi bantuan membaca, mesti ada WWC Check. Harap ingat, tiada exemption sukarelawan ibu bapa untuk khemah semalam. Sila baca penerangan lanjut di [Factsheet CRW03 – Exemptions, the parent volunteer exemption](#).

Mulai 1 Julai 2023, sesiapa yang ada **Negative Notice** atau **Interim Negative Notice** tidak lagi boleh mendapat exemption sukarelawan ibu bapa. Untuk penerangan lanjut sila baca [Factsheet CRW04 – Exemptions, narrowing of access](#).

WWC Check hanya satu strategi untuk menjaga keselamatan kanak-kanak. Jika ada aktiviti yang patut dikenakan pemeriksaan sejarah jenayah untuk menambah keselamatan, sekolah boleh wajibkan sukarelawan ibu bapa mempunyai Volunteer National Police Certificate atau National Police Certificate. Untuk penerangan lanjut sila lihat [laman WWC Check](#).

## **Adakah datuk nenek/saudara mara yang menjadi sukarelawan sekolah perlukan WWC Check?**

Ya, datuk nenek dan saudara mara yang lain mesti ada WWC Check untuk menjadi sukarelawan sekolah, kecuali mereka dianggap ibu bapa menurut *Working with Children (Screening) Act 2004* (Akta) atau ada exemption yang lain. Misalnya, jika saudara mara dari negeri lain datang melawat selama seminggu, mereka mungkin mendapat exemption ‘short term visitor to WA’.

## **Adakah ahli majlis atau lembaga sekolah perlukan WWC Check?**

Bergantung pada tugas biasa yang dikehendaki atas ahli majlis atau lembaga itu. Jika ahli majlis atau lembaga itu datang mesyuarat selepas waktu urusan dan peranannya tiada kontak dengan kanak-kanak, WWC Check tidak perlu. Jika peranannya termasuk berurusan dengan kanak-kanak, misalnya menyampaikan anugerah dalam perayaan akhir tahun, ahli majlis atau lembaga itu perlukan WWC Check (bergantung juga jika ada exemption).

WWC Check tidak dikehendaki jika ada wakil pelajar dalam majlis atau lembaga itu, dan tiada pekerjaan lain berkenaan kanak-kanak yang dilakukan. Kontak sesama sukarelawan tidak termasuk dalam takrifan kontak dalam Akta dan oleh itu tidak dianggap kerja berkenaan kanak-kanak.

## **Adakah pelajar yang mengambil practicum di sekolah perlukan WWC Check?**

Pelajar practicum (prac) di bawah umur 18 tahun diberikan exemption daripada WWC Check mengikut exemption sukarelawan kanak-kanak. Mereka yang berumur melebihi 18 tahun mesti ada WWC Check dan mesti memohon WWC Check melalui badan pendidikan mereka sebelum memulakan penempatan practicum. Wakil **badan pendidikan** dikehendaki menandatangani borang permohonan WWC pelajar practicum itu sebagai majikannya.

## **Adakah tukang atau kontraktor yang melawat kawasan sekolah perlukan WWC Check?**

Tidak, tukang pada umumnya tidak dianggap melakukan kerja berkenaan kanak-kanak dan tidak perlukan WWC Check, dengan syarat mereka tiada peranan berterusan dengan sekolah yang menyebabkan kontak dengan kanak-kanak dalam tugas biasa. Sekolah patut mempertimbangkan pelbagai strategi lain bagi memastikan keselamatan kanak-kanak.

## **Adakah jurugambar yang melawat sekolah perlukan WWC Check?**

Jurugambar yang pergi ke sekolah dalam tugas biasanya untuk mengambil gambar kelas atau pelajar mesti ada WWC Check. Jurugambar yang mengambil gambar di sekolah untuk berita, misalnya jurugambar akhbar tempatan, tidak perlukan WWC Check kerana kontak mereka dengan kanak-kanak dianggap sampingan.

## **Adakah orang yang menghadiri perhimpunan sekolah perlukan WWC Check?**

Tidak, orang yang menghadiri perhimpunan sekolah tidak perlukan WWC Check. Sekolah patut mempertimbangkan pelbagai strategi lain bagi memastikan keselamatan kanak-kanak.

## **Adakah orang yang melawat sekolah untuk bercakap dengan pelajar perlukan WWC Check?**

Bergantung sama ada tugasnya memenuhi definisi kerja berkenaan kanak-kanak.

Jika kerap ke sekolah untuk bercakap dengan kanak-kanak, atau menyertai program sekolah atau belia dalam peranannya, WWC Check diperlukan. Jika dia bersetuju untuk bercakap dalam acara sekali sahaja di luar peranan biasanya, besar kemungkinan WWC Check tidak perlu. Namun, jika peranannya berubah hingga termasuk kerja berkenaan kanak-kanak, dia perlu memohon WWC Check.

## **Adakah Pegawai Child Protection and Family Support Officer perlukan WWC Check?**

Ya. Child Protection and Family Support Officer dikehendaki ada WWC Check untuk menjalankan tugas.

## **Adakah orang yang datang mesyuarat dengan kakitangan sahaja pada waktu sekolah perlukan WWC Check?**

Tidak. WWC Check hanya perlu jika melakukan kerja berkenaan kanak-kanak. Orang yang menghadiri mesyuarat dengan kakitangan mungkin berselisih jalan dengan kanak-kanak di sekolah, tetapi ini dianggap **kontak sampingan**. Sekolah patut mempertimbangkan pelbagai strategi lain yang selamat bagi kanak-kanak, untuk menguruskan pelawat.

## **Adakah WWC Check perlu untuk kakitangan 'tuan rumah' pelajar VET?**

WWC Check tidak perlu untuk kakitangan 'tuan rumah' pelajar VET, kerana kontak antara kakitangan dengan orang yang diselianya dikecualikan daripada definisi kontak dalam Akta. WWC Check hanya perlu untuk kakitangan organisasi tuan rumah pelajar VET jika kerja biasa yang mereka lakukan memang kerja berkenaan kanak-kanak, misalnya, pusat jagaan kanak-kanak.

## **Adakah sekolah perlu melihat dan merekodkan WWC Check untuk semua orang yang melakukan kerja berkenaan kanak-kanak di sekolah itu?**

Amat disyorkan agar semua organisasi menyimpan dan mengekalkan rekod WWC Check. Lihat [laman WWC](#) untuk mengetahui [sumber sokongan](#) dan [khidmat dalam talian](#).

## **Adakah sekolah perlu melihat dan merekodkan WWC Check untuk organisasi yang ditempatkan bersama dengannya?**

Jika organisasi yang ditempatkan bersama itu diuruskan oleh sekolah, amat disyorkan agar sekolah menyimpan dan mengekalkan rekod WWC Check untuk organisasi itu juga.

Jika organisasi yang ditempatkan bersama itu tidak diuruskan oleh sekolah, sekolah tidak perlu melihat atau merekodkan butiran WWC Check organisasi tersebut.

## **Adakah sekolah perlu melihat dan merekodkan WWC Check untuk tempat-tempat yang dilawati?**

Tidak, tetapi sekolah patut mendapat pengesahan bertulis bahawa tempat atau organisasi yang dilawati itu tahu, dan mematuhi, kewajipannya di bawah Akta.

## **Adakah sekolah perlu melihat dan merekodkan WWC Check untuk orang atau organisasi yang menyewa kemudahan sekolah?**

Tidak. Sekolah harus mempertimbangkan pelbagai strategi untuk memastikan keselamatan kanak-kanak.

### **Penerangan lanjut**

Penerangan lanjut tentang strategi dan dasar keselamatan kanak-kanak boleh didapati di laman web:

- Department of Education WA – [www.education.wa.edu.au](http://www.education.wa.edu.au)
- Association of Independent Schools of WA – [wwwais.wa.edu.au](http://wwwais.wa.edu.au)
- Catholic Education WA – [wwwcewa.edu.au](http://wwwcewa.edu.au)
- Teacher Registration Board of WA – [wwwtrb.wa.gov.au](http://wwwtrb.wa.gov.au)

Makna perkataan **huruf tebal** boleh diketahui dalam glosari Working with Children Check di [wwwworkingwithchildren.wa.gov.au](http://wwwworkingwithchildren.wa.gov.au)